

23/06/2003

Syed Hamid belum fikir bertanding

KUALA LUMPUR: Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata beliau belum memikirkan sama ada akan bertanding jawatan Naib Presiden Umno dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Beliau berkata, tumpuannya ketika ini adalah mengukuhkan parti dan membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Saya tidak ada masa memikirkan perkara ini (jawatan Naib Presiden). Masa tidak kena. Bila tiba masanya, saya akan buat keputusan," katanya selepas merasmikan kursus Kepimpinan Pertubuhan Belia 2003 di Wisma Belia di sini.

Beliau ditanya sama ada akan bertanding jawatan Naib Presiden Umno tahun depan berikutan jangkaan wujud kekosongan jawatan itu apabila seorang daripada tiga penyandanganya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Presiden parti.

Kekosongan itu berikutan peralihan tampuk kepimpinan negara apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno dan diambil alih Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Oktober ini.

Ketika ini, jawatan Naib Presiden Umno dipegang Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhamad Muhamad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ditanya pandangannya mengenai kod etika pemilihan Umno, Syed Hamid berkata, perkara paling penting ialah ahli Umno perlu berdisiplin dan tidak mementingkan diri.